

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

GC 6423

SUMBER-SUMBER PENDIDIKAN ISLAM

PENSYARAH:

DR. AB. HALIM TAMURI

DISEDIAKAN OLEH:

SABRI BIN AB. GHANI

(P 38213)

PENGARUH PENDIDIKAN SEKULAR-LIBERAL TERHADAP UMAT ISLAM

1. PENDAHULUAN

Dalam masyarakat Islam, terdapat amalan menggunakan akal dan rasioanal untuk menjelaskan wahyu (al-Quran dan as-Sunnah). Arus perubahan dunia pula mendesak kita untuk mengiktiraf satu kod etika yang diasaskan kepada fahaman universalisme yang bersifat sekular dan materialistik. Dari sudut falsafah, keutamaan fungsi akal diutamakan dalam idealisme, realisme dan humanisme. Begitu juga dengan aliran pragmatisme, eksistensialisme dan kognitivisme amat mementingkan fungsi akal. Tetapi malangnya kesemuanya itu adalah sekular.

Ombak besar Globalisasi atau dunia tanpa sempadan telah menunjukkan gerakan pemikiran liberal-sekular telah mempengaruhi serta mewarnai seluruh aspek kehidupan seluruh manusia sebagai kod etika tunggal sedunia. Gerakan ini menyebabkan keinginan kepada ilmu wahyu (al-Quran dan Sunnah) dan agama khususnya Islam sentiasa dianggap sebagai faktor penghalang. Sebaliknya ia disesuaikan untuk memberi laluan kepada gerakan liberal dan sekular serta demokratik. Dalam situasi pendidikan hari ini, tugas yang paling utama adalah untuk menyediakan dan mempersiapkan anak-anak yang mampu menghadapi masa depan yang penuh dengan pelbagai cabaran. Salah satu cabaran itu ialah pensejagatan atau globalisasi, satu cabaran hidup dalam dunia tanpa sempadan.

2. DEFINISI LIBERALISME DAN SEKULARISME

Liberalisme adalah satu fahaman, falsafah dan tradisi politik yang meletakkan kebebasan sebagai nilai politik yang tertinggi. Walaupun liberalisme berakar umbi dari Zaman Kebangkitan Barat, ia sekarang mengandungi pemikiran politik yang luas dan kaya dari segi sumber. Seseorang yang menerima fahaman liberalisme dipanggil seorang liberal.

Walau bagaimanapun, maksud perkataan liberal mungkin berubah mengikut konteks sesebuah negara. Oxford English Dictionary, menerangkan yang perkataan "liberal" telah lama berada di dalam bahasa Inggeris dengan makna "sesuai untuk orang bebas, besar, murah hati" di dalam seni liberal. Ia juga bermaksud "bebas dari sekatan bersuara atau perlakuan", seperti bebas dengan harta, atau lidah bebas, selalunya dengan sikap tidak malu. (<http://ms.wikipedia.org/wiki/Liberalisme>)

Secara amnya, liberalisme berpegang kepada tiga nilai asas yang utama iaitu:

1. Kebebasan individu; iaitu kebebasan dalam bertindak dan bebas dari dipaksa dalam mencapai keinginan dan kehendak serta minat seseorang.
2. Kesamarataan bagi setiap individu, masyarakat dan organisasi seperti tiada berlaku diskriminasi dan ketidakrelevanan peraturan.
3. Rasionaliti akal iaitu kerationalan dalam membuat keputusan dan tindakan berdasarkan akal.(J. Mark Halstead, -)

Daripada ketiga-tiga nilai utama dalam liberalisme menunjukkan bahawa hak merupakan pusat kepada fahaman liberal. Secara ringkasnya, liberalisme mengutamakan hak-hak peribadi. Falsafah ini ingin membentuk satu masyarakat yang mempertahankan pemikiran yang bebas untuk setiap orang, batasan kepada kuasa khususnya kuasa kerajaan dan agama, kedaulatan undang-undang, pendidikan awam yang percuma, kebebasan bertukar fikiran, ekonomi pasaran yang memberikan kebebasan menjalankan perusahaan peribadi dan sistem kerajaan yang terbuka yang melindungi hak-hak semua rakyat secara adil dan saksama. Di dalam masyarakat moden, mereka yang liberal mengemari sistem pengundian yang adil dan terbuka di dalam sistem demokrasi liberal di mana semua rakyat mempunyai hak-hak yang sama rata di bawah undang-undang dan peluang yang saksama untuk berjaya. Ringkasnya, hak-hak asasi manusia yang disokong oleh semua liberal termasuk hak untuk hidup, kebebasan dan kehartaan.

Sekularisme sebagai satu aliran pemikiran mempunyai pengaruh yang sangat besar dan mendalam dalam kehidupan manusia. Al-Attas (1978) memetik dari sumber

kristian yang mendefinisi *secular* sebagai *here and now*. Maksudnya sekular merujuk kepada dunia sekarang. Dengan kata lain, yang diambil kira ialah sesuatu yang kontemporari dan relevan pada apa yang berlaku sekarang. Tidak ada rujukan kepada dunia selepas ini (akhirat).

Maksud sekularisme ialah fahaman yang menolak atau memisahkan agama atau ciri-ciri keagamaan daripada urusan-urusan yang tidak bersangkutan dengan agama (Kamus Dewan 1993). Sekularisasi pula merupakan proses yang mengheret manusia keluar dari pegangan agama dan metafizikal. Semua yang ada kaitan dengan aspek rohani dihakis. Fahaman ini menular dalam semua aspek kehidupan, politik, budaya dan bahasa. Ringkasnya sekularisme adalah satu fahaman yang memisahkan antara urusan agama dan kehidupan dunia.

Menurut Dr. Mahmud Zuhdi dan Nurcholish Madjid (2003), sekularisme ialah satu fahaman yang berorientasikan dunia. Ia muncul sebagai hasil daripada 'zaman kesedaran' di Eropah yang bersemangat anti agama. Mereka berpendapat bahawa dunia ini adalah mutlak dan menjadi tujuan yang terakhir dengan menolak adanya kehidupan di akhirat. Mereka beranggapan manusia mampu menggunakan pertimbangannya untuk menguruskan kehidupan. Tetapi ajaran Islam yang berorientasikan kehidupan akhirat telah menolak fahaman sekular. Negara Islam yang mula-mula menerapkan prinsip sekularisasi dalam politik ialah Turki yang dilakukan oleh Mustafa Kemal Atatürk melalui pengisytiharan sebagai sebuah negara republik pada 29 Oktober 1923.

Pemikiran sekular yang memisahkan antara agama dan keduniaan ditolak di mana akidah dan ilmu perlu disepadukan bagi memastikan insan yang dididik akan dapat dibentuk sebagai *khalifatullah* yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Pemisahan antara akidah dan ilmu akan melahirkan manusia yang tidak seimbang dan akhirnya akan mewujudkan kerosakan di muka bumi. Aspek kerohanian dengan sendiri akan dikesampingkan oleh manusia yang menyebabkan wujudnya keterbatasan dalam sumber-sumber ilmu dalam pendidikan itu sendiri.

Dalam Islam umat Islam bermaksud masyarakat universal yang dianggotai oleh berbagai jenis kaum dan bangsa disatukan oleh komitmen masing-masing terhadap Islam. Oleh itu, setiap individu Muslim secara otomatis, mahu tidak mahu, adalah seorang anggota dalam kesatuan Umat Islam. Dalam erti kata yang lain iman dan tawhid adalah factor penyatuan dan bukan lagi warna kulit, bahasa dan bangsa. Umat inilah yang dimaksudkan dipengaruhi oleh fahaman liberal-sekular.

3. PENGARUH LIBERALISME DAN SEKULARISME TERHADAP UMAT ISLAM

Terdapat perbezaan pendapat yang mendalam di dalam rangka liberalisme. Perbezaan pendapat ini selalunya membawa kepada perdebatan yang hebat di antara ahli-ahli liberal. Daripada perpecahan ini dari sudut liberalisme klasik, wujud beberapa pergerakan di dalam liberalisme. Seperti di dalam banyak perdebatan, kumpulan-kumpulan yang bertentangan menggunakan perkataan-perkataan yang berbeza untuk menyatakan kepercayaan-kepercayaan yang sama dan kadang-kala, mereka menggunakan perkataan-perkataan yang sama untuk menerangkan perkara-perkara yang berbeza. Di dalam artikel ini, liberalisme pendidikan untuk menerangkan perkembangan pendidikan, "liberalisme politik" akan digunakan untuk sokongan terhadap demokrasi liberal (republik ataupun raja berperlembagaan) yang menentang raja berkuasa mutlak atau diktator; "liberalisme budaya" untuk sokongan terhadap kebebasan peribadi yang menentang undang-undang yang mengongkong kebebasan di atas dasar nasionalisme atau agama; "liberalisme ekonomik" untuk sokongan terhadap harta peribadi dan menentang peraturan-peraturan yang mengekang hak-hak terhadap harta peribadi yang ditulis oleh kerajaan; dan "liberalisme sosial" di mana ia menunjukkan sokongan terhadap kesaksamaan dan menentang ketidak samarataan peluang. Bagi "liberalisme moden" pula bermaksud campuran bentuk-bentuk liberalisme yang tercatat sebelum ini yang boleh ditemui di negara-negara maju sekarang. (<http://ms.wikipedia.org/wiki/Liberalisme>)

3.1. Pengaruh dalam pendidikan.

Pendidikan Barat ialah sistem yang tidak mementingkan prinsip-prinsip atau dasar-dasar yang mutlak. Sebagai contoh ianya tidak terikat kepada hukum-hukum agama, sistem nilai, sistem kebudayaan, atau apa sahaja yang bersifat dasar. Pendidikan Barat lebih mementingkan keadaan semasa atau setempat. Oleh itu nilai-nilai dalam pendidikan Barat tidak bersifat kebenaran mutlak.

Terdapat pelbagai cara yang digunakan oleh liberal dan sekular bagi mempengaruhi umat Islam sama ada dalam keadaan disedari atau sebaliknya, antaranya ialah:

1. Menyekat pengajian agama Islam secara material dan moral. Sekatan secara material dilakukan dengan membuka pintu seluas mungkin kepada pengajian yang kosong dari ruh agama Islam (pengajian yang jauh dari penekanan agama). Pengajian sebegini akan dibantu dan dibangunkan serta diberi kemudahan dari segi material. Adapun pengajian agama Islam disempitkan bantuan kewangan ataupun tidak dibantu langsung. Sebarang bantuan lebih dicurahkan kepada pengajian sekularisme. Sekatan secara moral ialah dengan memperlekehkan golongan penuntut agama dan tuan-tuan guru mereka. Membeza-bezakan antara guru-guru agama dan guru-guru subjek lain dalam setiap keadaan memang satu perkara yang disengajakan. Begitu juga membeza-bezakan antara lepasan bidang agama dan lepasan bidang-bidang lain. Mereka akan lari dari agama dan lebih cenderung kepada pengajian bidang bukan agama.

2. Menghantar pelajar Islam ke negara-negara bukan Islam untuk belajar. Misi penghantaran ini akan membuahkan hasilnya yang memang dinanti-nantikan iaitu pelajar itu bertambah jahil dengan agama, nilai serta adat yang baik dan akan menyebabkan pelajar itu tertarik dengan budaya barat. Di samping itu, akan tertanam dalam diri pelajar itu tabiat (kelakuan) yang menyeleweng dari ajaran Islam. Dengan berlalunya masa, tabiat menyeleweng ini akan menjadi sehati dengan diri pelajar.

3. Melonggarkan sukatan pengajian agama atas nama kemajuan akademik. Residen Britain di Mesir Lord Cromer semasa penjajahan Britain ke atas Mesir telah melaung-

laungkan slogan pembaharuan dalam Universiti al-Azhar dengan memasukkan subjek sivil dalam sukatan pengajiannya. Percampuran ini menyebabkan pelajar lemah dalam menguasai ilmu agama. Beberapa sukatan pelajaran juga telah dibuang atau dikurangkan seperti subjek yang berkaitan jihad menyebabkan ruh jihad telah hilang dalam diri pelajar Islam. Pelonggaran sukatan pengajian agama berlaku di seluruh negara Islam dengan tujuan untuk melemahkan pelajar-pelajar Islam.

4. Paling bahaya cara yang digunakan ialah percampuran lelaki dan perempuan ketika pengajian. Mereka (golongan sekular) memulakannya di negara-negara Islam dengan mendakwa ianya kemajuan dan kemodenan tetapi ia sebenarnya menyalakan lagi obor nafsu manusia. Mereka juga mendakwa percampuran itu dapat memantapkan pemikiran tetapi mereka telah tersilap kerana ia antara punca tercetusnya masalah sosial yang kronik akibat percampuran yang tidak dikawal. Ilmu sains membuktikan percampuran sebegini akan membawa kepada 2 keadaan ; Samada ia akan membekukan nafsu seks antara 2 jantina, dengan erti kata lain, lelaki tidak lagi bernafsu kepada wanita secara tabii tetapi lebih bernafsu kepada kaum sejenis (satu perbuatan yang dikutuk oleh Allah s.w.t). Penyakit ini semakin menular di negara-negara barat dan juga Amerika Syarikat, ataupun ia akan meransangkan lagi api nafsu.

Pendidikan Islam telah lama diabaikan, semenjak Barat mencengkam kakinya ke negeri-negeri Islam sehingga idea pendidikan Barat menjadi lebih dominan dan berperanan menggantikan Pendidikan Islam. Idea ini kadang-kadang tidak ada hubungannya dengan ajaran Islam, seperti idea al-mawatin al-salih (warga negara yang baik) disebut-sebut sebagai tujuan Pendidikan Islam, walhal tujuan Pendidikan Islam adalah membentuk al-insan al-salih (manusia yang baik) yang mencakupi tiga unsur akal, jasmani dan rohani yang disebut sebagai insan kamil. (Dr. Gamal Abdul Nasir Zakaria, 2003)

Pada abad ke 21 ini, sistem pendidikan di kebanyakan negara di dunia termasuk negara-negara umat Islam dipengaruhi oleh aliran Atomisme yang dipelopori oleh Dewey (1895-1952), iaitu menyelesaikan sesuatu masalah secara 'compartmental' atau pemetakan (juz'iyah) bukan secara 'comprehensive' atau menyeluruh. Contohnya

permasalahan peningkatan gejala sosial di kalangan pelajar atau remaja yang semakin meruncing hanya dilihat dari beberapa sudut seperti kelemahan ibubapa mendidik anak-anak dan kerelevanan mengembalikan kuasa merotan bagi mendisiplinkan pelajar di sekolah. Sebenarnya kegagalan sistem pendidikan Barat yang telah menghancurkan dan membinasakan tamadun Barat sendiri. Prof. Titus (1953) dalam (Che Noraini Hashim, 2005) pernah melahirkan kebimbangan kerana kegagalan sistem pendidikan dalam menghasilkan pelajar berakhlak dan bermoral:

“Pendidikan telah memisahkan dirinya dari warisan rohani (warisan silam) tetapi gagal menyediakan suatu penggantian yang memuaskan”

Kita juga menghadapi krisis pemikiran yang tenat kerana merelakan wujudnya fenomena dualisme, liberal dan sekular dalam sistem pendidikan. Dualisme bermaksud merelakan adanya dua aliran pendidikan, iaitu agama Islam dan aliran bukan agama (aliran yang berteraskan kaedah saintifik dan empirikal semata-mata). Manakala sekular bermakna memisahkan ataupun mengeluarkan prinsip-prinsip kerohanian, agama dan ketuhanan daripada kurikulum mata pelajaran bukan agama. Dari sinilah mulanya keruntuhan akhlak manusia khasnya guru dan murid. Contoh: Harian Metro (2.11.2004) Pelajar berusia 16 tahun tumbuk guru hanya kerana ditegur berambut panjang. Dengan itu jugalah, lahir manusia yang meringankan, tidak kisah, atau tidak mempercayai agama. Tanpa disedari penyakit ini telah menular di kalangan para intelek dan individu Melayu Islam yang telah berjaya di dalam bidangnya.

Prof. Dr. Sidek Baba (2006) dalam tulisannya menyatakan bahawa penjajahan barat di dalam dunia islam pada hari telah menyebabkan kemerosotan tamadun Islam menyebabkan ilmu dan pendidikan tersisih dari nilainya yang fitrah. Ilmu dan pendidikan tumbuh dalam binaan asas yang menolak faktor Rabbani menyebabkan ilmu dan pendidikan menjadi sekular dan melahirkan anak didik yang melihat faktor duniawi adalah segala-gala.

3.2. Pengaruh ekonomi

Liberalisme mula mengalami perubahan mendadak dengan membentuk pendapat yang menyatakan bahawa manusia bebas boleh membentuk asas masyarakat yang stabil. Pendapat ini pertama kalinya diketengahkan oleh John Locke (1632-1704) di dalam penulisan bertajuk *Two Treatises on Government*. Di dalam tulisan itu John Locke memperkenalkan dua idea liberal yang penting: kebebasan ekonomi yang bermaksud kebebasan untuk berharta dan mempergunakannya, dan kebebasan hati (*freedom of conscience*) seperti yang dibentangkan di dalam *A Letter Concerning Toleration* (1689). Akan tetapi, beliau tidak memperluaskan idea-idea itu kepada orang Kristian Katholik. Beliau membina pendapat awal mengenai hak-hak semulajadi (*natural rights*) yang dilihatnya sebagai "kehidupan, kebebasan dan harta". "Teori hak-hak semulajadi" beliaulah yang menjadi asas pembentukan idea hak-hak asasi manusia. Menurut Locke lagi, harta adalah lebih penting daripada hak untuk melibatkan diri di dalam kerajaan dan pembuatan keputusan awam; beliau tidak menyokong demokrasi kerana beliau takut kepada kemungkinan pemberian kuasa kepada orang ramai akan membolehkan orang ramai mengatasi hak-hak peribadi kepada harta. Walaupun begitu, idea hak-hak semulajadi menjadi asas pemikiran yang membenarkan Revolusi Amerika Syarikat dan Perancis.

Liberalisme ekonomi yang juga dikenali sebagai liberalisme klasikal atau liberalisme Manchester adalah satu ideology yang menyokong hak-hak peribadi ke atas harta benda dan kebebasan perjanjian bertulis. Ia memperjuangkan kapitalisme *laissez-faire* yang mahu membuang semua halangan terhadap perdagangan dan pemberhentian kemudahan yang diberi oleh kerajaan seperti subsidi dan monopoli. Ahli-ahli liberal ekonomik mahu hanya sedikit atau tiada langsung peraturan-peraturan kerajaan di pasaran. Sesetengah mereka menerima halangan kerajaan ke atas monopoli dan sesetengah yang lain menyatakan bahawa monopoli disebabkan oleh tindakan kerajaan. Liberalisme ekonomik menyatakan bahawa harga barangan dan perkhidmatan harus ditentukan oleh pasaran yang sebenarnya ditentukan oleh tindakan-tindakan pengguna.

Ada yang mahu melihat kuasa pasaran bertindak di kawasan-kawasan yang biasanya dimonopoli oleh kerajaan seperti keselamatan dan mahkamah. Liberalisme ekonomik menerima ketidak samarataan sebagai hasil semulajadi daripada persaingan yang tidak melibatkan ugutan yang mengancam hak-hak peribadi. Aliran liberalisme ini dipengaruhi oleh liberalisme Inggeris yang merebak di pertengahan kurun ke-19. Minarchisme dan anarcho-kapitalisme adalah antara bentuk-bentuk liberalisme ekonomi. (<http://ms.wikipedia.org/wiki/Liberalisme>)

3.3. Pengaruh politik

Di benua Eropah, Charles de Secondat, Baron de Montesquieu memperjuangkan fahaman undang-undang yang mengekang kuasa raja-raja. Fahaman tersebut telah dicatatkan oleh beliau di dalam *The Spirit of the Laws* yang ia adalah "lebih baik untuk mengatakan kerajaan yang paling serasi dengan alam adalah kerajaan yang serasi dengan kehendak mereka yang menubuhkan kerajaan. (Inggeris: "*Better is it to say, that the government most conformable to nature is that which best agrees with the humour and disposition of the people in whose favour it is established.*") daripada menerima penggunaan kuasa. Ahli ekonomi politik Jean-Baptiste Say dan Destutt de Tracy tertarik kepada "keharmonian" pasaran dan kemungkinan besar, mereka berdualah yang mencipta frasa *laissez-faire*. Ini kemudiannya beransur-ansur menjadi asas kepada kumpulan fisiokrat dan politik ekonomi Rousseau.

Pada Zaman Kesedaran Akhir Perancis, dua tokoh mula mempengaruhi dan membentuk pemikiran liberal. Dua tokoh tersebut adalah Voltaire dan Jean-Jacques Rousseau. Voltaire mengatakan bahawa Perancis patut mengamalkan sistem raja berperlembagaan dan menamatkan instituti Estat Kedua. Rousseau pula memperjuangkan kebebasan semulajadi untuk manusia. Kedua-dua tokoh mahu membina sistem sosial yang baru di mana masyarakat boleh meletakkan batasan kepada kebebasan tetapi tidak boleh memusnahkannya, walaupun pendekatan mereka berbeza. Untuk Voltaire, pendekatannya adalah lebih intelektual manakala Rousseau pula menyentuh kebebasan semulajadi yang mungkin berkaitan dengan pendapat Diderot.

Liberalisme politik adalah aliran di mana seseorang itu adalah asas undang-undang dan masyarakat. Tambahan lagi, masyarakat dan institusi-institusi kerajaan yang wujud di dalam masyarakat berfungsi untuk memperjuangkan hak-hak peribadi tanpa memilih kasih kepada sesiapa yang mempunyai taraf sosial yang tinggi. Magna Carta adalah satu contoh di mana dokumen politik meletakkan hak-hak peribadi lebih tinggi daripada kuasa raja. Liberalisme politik menekankan perjanjian sosial yang mana rakyat merangka undang-undang and bersetuju untuk mematuhi undang-undang tersebut. Ini adalah berdasarkan pemikiran di mana seseorang itu lebih mengetahui apa yang terbaik untuk dirinya. Liberalisme politik mengandungi semua lapisan masyarakat tanpa mengira jantina, kaum atau taraf ekonomi. Liberalisme politik juga menekankan kedaulatan undang-undang dan demokrasi liberal. (<http://ms.wikipedia.org/wiki/Liberalisme>)

3.4. Pengaruh sosial

Liberalisme sosial atau liberalisme baru (tidak patut dikelirukan dengan neoliberalisme) mula dilihat berdiri di kalangan masyarakat negara-negara maju pada akhir abad ke-19. Ia dipengaruhi oleh utilitarianisme yang diasaskan oleh Jeremy Bentham dan John Stuart Mill. Ada ahli-ahli liberal yang menerima, sesetengah atau semuanya, teori penyalahgunaan Sosialis dan Marxis dan ulasan-ulasan terhadap "tujuan keuntungan" dan membuat kesimpulan bahawa kerajaan seharusnya menggunakan kuasanya untuk menyelesaikan masalah itu. Mengikut fahaman ini, semua individu perlu diberi perkhidmatan asas yang memuaskan seperti pelajaran, peluang ekonomik dan perlindungan daripada kejadian makro yang tidak ditentukan oleh mereka, seperti yang ditulis oleh John Dewey dan Mortimer Adler pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Kepada liberalisme sosial, kemudahan-kemudahan ini dianggap sebagai hak. Ini adalah hak-hak positif yang berbeza secara kualitatif dari apa yang dibahaskan dari segi klasikal, iaitu hak-hak negatif yang hanya menuntut seseorang daripada mencabuli hak-hak orang lain. Menurut ahli-ahli liberalisme sosial, hak-hak positif ini perlu dibuat dan dibekalkan kepada orang ramai. Menurut mereka lagi, hak-hak positif adalah objektif yang berterusan yang secara asasnya melindungi kebebasan. Sekolah, perpustakaan, muzium dan galeri seni hendaklah dibiayai dengan hasil cukai. Pemikir-pemikir liberalisme sosial

menyokong sesetengah sekatan ke atas pesaing ekonomik seperti undang-undang "anti-trust" dan kawalan harga dan gaji. Kerajaan juga dianggap akan memberi kebajikan asas yang dibiayai dengan hasil cukai yang bertujuan untuk membolehkan penggunaan pekerja-pekerja yang terbaik di dalam masyarakat untuk menghalang revolusi ataupun hanya untuk kebaikan sejagat.

Rousseau juga membicarakan mengenai kontrak sosial. Ia adalah satu konsep yang kerap dilihat di dalam sejarah pemikiran liberal. Beliau menekankan idea ini dari pendapat yang menyatakan bahawa kontrak sosial adalah satu perkara yang semulajadi dan seseorang individual itu lebih mengetahui tentang apa yang terbaik untuk dirinya. Masyarakat beraja di zaman Rousseau kurang senang dengan membicaraan Rousseau yang mengatakan setiap manusia itu dilahirkan bebas tetapi pendidikan adalah mencukupi untuk membataskan perilaku manusia itu di dalam masyarakat. Dari pendapat itu, beliau terus menyatakan bahawa kebebasan untuk menentukan masa depan sendiri adalah kehendak setiap negara. Sekali lagi, idea Rousseau ini adalah bertentangan dengan sistem politik di Perancis di masa itu. Idea-idea Rousseau merupakan unsur-unsur utama di dalam pengisytiharan Perhimpunan Kebangsaan Revolusi Perancis serta di dalam penulisan pemikir-pemikir Amerika seperti Benjamin Franklin dan Thomas Jefferson. Menurut Rousseau lagi, perpaduan sesuatu negara itu datang dari persetujuan bersama yang dikenali sebagai "kehendak kebangsaan". Perpaduan ini membolehkan sesuatu negara itu untuk wujud tanpa terikat kepada sistem sosial yang telah wujud sebelum ini, seperti aristokrasi. (<http://ms.wikipedia.org/wiki/Liberalisme>)

3.5. Pengaruh budaya dan agama

Liberalisme budaya menekankan hak-hak peribadi yang berkaitan dengan cara hidup dan perasaan hati termasuk kebebasan seksual, kebebasan beragama, kebebasan pemahaman dan perlindungan dari campur tangan kerajaan di dalam kehidupan peribadi. John Stuart Mill menyatakan dengan tepat di dalam esainya yang bertajuk *On Liberty*:

"Pelindungan diri adalah satu-satunya tujuan manusia yang benar dari segi peribadi dan masyarakat ke atas campur tangan di dalam kebebasan orang-orang lain. Kuasa tertinggi yang benar hanya boleh digunakan untuk menghalang seseorang dikalangan satu masyarakat yang bertamadun daripada mengganggu [atau mencederakan] seseorang yang lain. Kebaikan fizikal atau moral seseorang itu tidak mencukupi untuk membiarkan dia mengganggu orang lain."

Liberalisme budaya secara umumnya menentang peraturan-peraturan kerajaan di dalam kesusasteraan, seni, akademik, perjudian, seks, pelacuran, penguguran kandungan, penggunaan pengawalan pengandungan, kesakitan muktamad, arak, ganja dan barang-barang kawalan yang lain. Kebanyakan ahli-ahli liberal menentang separuh atau semua peraturan-peraturan kerajaan yang mencampuri hal-hal ini. Negara Belanda, dari segi liberalisme budaya, mungkin adalah negara yang paling liberal di dunia.

Kita pula kini hidup dalam era pasca moden. Manusia begitu berani meletakkan akal lebih tinggi daripada wahyu Allah. Sains dan teori pemikiran telah menggantikan agama. Kita umat Islam turut merasainya. Di Malaysia wujud pendekatan Islam Hadhari yang tentunya perlu dilaksanakan berpandukan paradigma al-Quran. Dalam suasana pemikiran Islam liberal semakin merebak, tidak mustahil Islam Liberal ini akan mewarnai dan mencorakkan pelaksanaan pembangunan dan prinsip-prinsip Islam Hadhari (Tajul Arifin Noordin dan Nor'aini Dan, 2006)

Di peringkat Global ia lebih parah lagi. Melalui pengaruh Amerika dan Barat, roh al-Quran telah cuba dikeluarkan dan dipadamkan daripada hati, jiwa dan minda umat Islam menyebabkan berlaku kecelaruan dalam kehidupan seperti menganggap Rasul s.a.w itu sebagai tokoh sejarah dan bukannya sebagai nabi terakhir atau pun sebagai kekasih Allah, meletakkan akal pada tahap wahyu, keadilan Islam tidak ada kebenaran

dan potensi akal dapat membina Islam dengan lebih baik dari apa yang diwahyukan. (Abdalla, 2005) Justeru itu kita memerlukan kekuatan paradigma al-Quran untuk memastikan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Bagi umat Islam, fungsi akal dan rasional mestilah dimurnikan dengan berpaksikan paradigma al-Quran agar mencapai kebenaran, menyelesaikan semua masalah kehidupan dan untuk pembangunan dan perpaduan ummah. (Tajul Ariffin Noordin dan Nor'aini Dan, 2005)

Amerika yang merupakan negara yang paling ganas secara terang-terangan memaksa umat Islam supaya meninggalkan al-Quran. Di Malaysia, dalam merealisasikan Wawasan 2020, kita turut terperangkap dalam ideologi 'internasionalisme' yang bersifat sekular. Paling menghairankan kerana pada abad ke 21 yang dianggap era yang paling bertamadun dan maju, masih wujud negara yang sengaja mengganas. Negara tersebut ialah Amerika. Mereka dengan sengaja menyerang Afghanistan dan Iraq. Mereka menzalimi rakyat Palestin dan secara terang-terangan memusuhi agama Islam. Paling jahat adalah mereka mahu umat Islam hanya berpegang kepada sebahagian tertentu ayat al-Quran. Amat mengecewakan, tanpa disedari, niat jahat mereka diterima dan diamalkan oleh sebahagian umat islam yang menganut pemikiran liberal-sekular tersebut. (Tajul Ariffin Noordin dan Nor'aini Dan, 2005)

Krisis nilai agama dan moral manusia di era mutakhir ini seperti gejala sosial, salah faham terhadap agama dan sebagainya adalah berpunca dari kelemahan dalam diri manusia. Manusia memisahkan agama daripada aktiviti-aktiviti kehidupan menyebabkan umat Islam semakin lemah akidahnya dan semakin longgar pegangan kepada ilmu wahyu. Justeru pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi memulihkan krisis ini seperti memimpin manusia dengan strategi berpaksikan paradigma al-Quran; keseluruhan kehidupan manusia sejagat mestilah berpaksikan ilmu wahyu. Dalam tuntutan dan keperluan ini ia bermaksud:

- i. Al-Quran dan al-Sunnah mesti menjadi teras dan paksi kepada semua ilmu akal.
- ii. Ilmu wahyu mesti diamalkan sebagai satu realiti yang menjadi sumber semua ilmu dan bidang pengajian.
- iii. Ilmu wahyu mestilah dihayati dalam semua komponen pendidikan secara sedar, sistematik dan praktik.
- iv. Ilmu wahyu bersifat benar dan mesti disuburkan dengan peksi pemurnian semua pemikiran dan teori pendidikan yang ada. (Covey, 1999)

4. Penyebaran sekularisme melalui media massa

Jikalau sekularisasi dalam pengajian hanya melibatkan ribuan pelajar, tetapi sekularisasi dalam media massa meliputi jutaan orang yang menonton, mendengar dan membacanya melalui program-program yang disediakan. Setiap perkataan atau tulisan yang baik akan menghasilkan natijah yang baik dengan izin Allah. Manakala perkataan atau tulisan yang jahat pula akan menghasilkan natijah yang jahat juga. Oleh itu media massa boleh berperanan untuk mengangkat martabat, peribadi, maruah dan minda seseorang atau ia juga boleh berperanan untuk menjatuhkan martabat, peribadi, maruah dan minda seseorang.

Realiti yang dapat dilihat melalui televisyen, radio, wayang gambar, teater, akhbar, majalah dan lain-lain media massa tidak banyak yang membantu perkembangan nilai-nilai murni. Ia juga tidak membantu perkembangan minda dan pengamalan dengan akhlak Islam. Jikalau adapun, ia hanya seperti tangkap muat dan pemanis mulut, tidak lebih dari itu. Rancangan-rancangan televisyen yang menyiarkan gambar separuh bogel atau “tidak sempat memakai baju dan seluar” banyak disiarkan untuk meruntuhkan akhlak umat Islam terutamanya golongan muda mudi. Sepatutnya media massa itu menjadi “mimbar dakwah” yang menyeru kepada kebaikan dan menyampaikan kebenaran, bukannya suara maksiat, medan fitnah dan kilang kerosakan sosial masyarakat. Itulah kerja sekularisme yang berusaha menjauhkan umat Islam dari agamanya.

5. Penyebaran sekularisme melalui undang-undang

Golongan sekular berusaha bersungguh-sungguh untuk menjauhkan Islam dari “kuasa” pemerintahan. Mereka akan memastikan agar undang-undang Islam tidak dirujuk walau dalam apahal sekalipun sehinggakan Islam kelihatan tinggal rangkanya sahaja. Ia terjadi di kebanyakan negara Islam. Di Turki contohnya, untuk menjauhkan manusia dari Islam, mereka berusaha mensekularkan undang-undang sedikit demi sedikit hingga akhirnya undang-undang Turki menjadi sekular dan terlerainya undang-undang khilafah Islam. Di Mesir “pengsekularan” undang-undang dilakukan ketika penjajahan Inggeris dengan mewajibkan merujuk kepada undang-undang barat secara umumnya dan undang-undang Perancis secara khususnya.

Undang-undang Islam yang tinggal hanyalah berkaitan nikah kahwin (Ahwal Syakhsiah) atau yang berkait dengan adat kerana ia tidak menggugat kedudukan penjajah. Umat Islam boleh mengamalkan undang-undang ini di kalangan mereka tetapi untuk mengamalkan undang-undang yang bersangkutan paut dengan pemerintahan negara, jenayah dan lain-lain tidak diizinkan oleh penjajah. Ini adalah perancangan jahat golongan sekular. Mana-mana negara Islam yang ingin melaksanakan undang-undang Islam secara menyeluruh pasti akan menerima tekanan hebat dari pihak barat atau dari golongan sekular dalam negara itu sendiri.

Ini adalah sebahagian perancangan yang dilakukan oleh golongan sekular untuk memesonkan umat Islam dari beramal dengan agamanya mengikut jalan yang betul. Sesiapa yang hatinya kosong dari ruh agama pasti menganggap sekular itu adalah kemajuan dan kemodenan tetapi dia tidak sedar bahawa ketika dia menerima dan mendokong sekularisme, dia telah merenggangkan ikatan tali dirinya dengan Islam yang dianutinya. Umat Islam perlulah sedar perancangan-perancangan golongan sekular ini agar mereka tidak terjatuh ke dalam perangkap yang akan merugikan mereka di dunia dan akhirat.

Islam dan sekularisme tidak akan dapat disatu dan disebatikan kerana keduanya adalah berbeza. Al-Marhum Syeikh Mutawalli Sya'rawi sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir sempat berkata : “sadarlah bahawa tidak akan berlaku pertembungan antara hak dengan hak tetapi pertembungan hanya berlaku antara hak dan yang batil”. Maka umat islam perlulah mengikut yang hak (kebenaran) dengan menurut segala perintah Allah s.w.t dan meninggalkan segala laranganNya. Untuk mengetahui yang hak dan yang batil menurut pandangan syarak, maka tugas itu biarlah dilakukan oleh ulama-ulama yang pakar lagi ikhlas. Tidak ada jalan selamat di akhirat melainkan menerima seratus peratus ajaran Islam yang sebenarnya mengikut al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

6. Kesimpulan

Sesungguhnya Islam adalah satu kekuatan abadi bagi orang Melayu. Tanpa Islam, Melayu tidak akan bermakna. Kuatnya Melayu adalah pada nilai Islam, al-Quran dan hadis. Dengan Islam kita tidak akan menggadaikan maruah bangsa (Adnan Khamis, 1993). Oleh itu wajarlah fenomena dualisme, liberalisme dan sekularisme dihapuskan sama sekali dalam kurikulum pendidikan (KBSM) negara kita. Selain daripada itu al-Faruqi (1982) juga mencadangkan betapa pentingnya Islamisasi ilmu. Dengan Pengislaman ilmu ini bermakna umat Islam akan didedahkan dengan pelbagai aspek ilmu yang akan memantapkan lagi kehidupan di dunia mahupun di akhirat. Untuk memimpin umat Islam ke arah kemanusiaan sejagat, kita hendaklah kembali kepada menghayati dan mengamalkan paradigma al-Quran secara menyeluruh dalam segenap aktiviti kehidupan.

BIBLIOGRAFI

Abdalla, U.A. 2005. *Islam Liberal Dan Fundamental: Sebuah Pertarungan Wacana*. Yogyakarta: EISAQ Press.

Adnan Khamis. 1993. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Pandangan Dan Maklum Balas*. Bangi: UKM.

Al-Faruqi. 1982. *Islamisation of Knowledge*. Washington D.C. International Institute of Islamic Thought.

Che Noraini Hashim. 2005. *Keruntuhan Akhlak Dan Pembangunan Remaja Masakini: Cabaran Pendidikan Islam Di Malaysia*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 4. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM

Covey, S.R. 1999. *Principle Centred Leadership*. London: Simon & Schuster

Dr. Gamal Abdul Nasir Zakaria. 2003. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Pahang. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

<http://ms.wikipedia.org/wiki/Liberalisme>

J. Mark Halstead. - . *Liberal Values and Liberal Education*.

Mahmud Zuhdi Abd. Majid dan Nurcholish Madjid. 2003. *Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar*. Era Visi Publication Sdn. Bhd.

Oxford English Dictionary.

Sidek Baba. 2006. *Kepentingan Islamisasi dalam Pendidikan*. *Majalah i*, Februari: 76-77.

Tajul Ariffin Noordin dan Nor'aini Dan. 2005. *Memimpin Kemanusiaan Sejagat Berpaksi Paradigma al-Quran: Dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 4*. Bangi. Fakulti Pendidikan UKM.

Tajul Ariffin Noordin dan Nor'aini Dan. 2006. *Menobatkan Paradigma al-Quran Sebagai Realiti Pendekatan Bersepadu: Dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 5*. Bangi. Fakulti Pendidikan UKM.